

PANDUAN
CUTI
BELAJAR
BAGI
KAKITANGAN
USIM

Disediakan oleh,
Unit Cuti Belajar,

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Kandungan

Pengenalan

Takrifan Cuti Belajar

Cuti Belajar Universiti

Skim Cuti Belajar Kakitangan Akademik

Skim Cuti Belajar Kakitangan Pentadbiran

Proses Permohonan Cuti Belajar Peringkat Universiti

Tanggungjawab Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB)

Proses Permohonan Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)

Kelayakan dan Syarat-syarat Permohonan

Elaun-elaun dan Lain-lain Kemudahan

Urusan Perjalanan Calon ke Luar Negara

Tanggungjawab Calon Semasa Bercuti Belajar

Prosedur Permohonan Menjalan Kajian Lapangan

Prosedur Permohonan Mencari Bahan

Prosedur Permohonan Membentangkan Kertas Kerja/Menghadiri seminar

Prosedur Menangguhkan Pengajian

Prosedur Perlanjutan Tempoh Pengajian

Prosedur Menukar Program Pengajian/Universiti

Tanggungjawab Calon Selepas Tamat Pengajian

1.0 PENGENALAN

Buku Panduan Cuti Belajar disediakan adalah bertujuan memberi pendedahan dan maklumat awal kepada calon-calon Cuti Belajar Universiti yang berhasrat melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana atau Ph.D sama ada dalam negara atau di luar negara.

Garis panduan yang disediakan ini adalah selaras dengan arahan yang diperuntukkan di bawah Perintah Am iaitu di dalam Bab C (Cuti). Sehubungan dengan itu, Unit Cuti Belajar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah dipertanggungjawabkan menyelaraskan dan memantau keseluruhan pengurusan Cuti Belajar kakitangan KUIM.

2.0 TAKRIFAN CUTI BELAJAR

Merujuk kepada istilah yang digunakan di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) ;

Cuti Belajar adalah didefinisikan sebagai Cuti Belajar yang dilulus oleh Kerajaan kepada seseorang Pegawai bagi mengikuti Kursus Latihan atau Pengajian.

Bagi tempoh tersebut, seseorang pegawai itu dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus secara sepenuh masa dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja.

Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa pula adalah bermaksud tempoh berkursus di mana pegawai memperolehi gaji sepenuhnya seperti yang ia berkecukupan sebelum berkursus serta penajaan (Biasiswa/Hadiah Latihan) bagi pembiayaan yuran pengajian dan lain-lain elaun yang ia berkecukupan semasa berkursus.

3.0 CUTI BELAJAR UNIVERSITI

Cuti Belajar Universiti adalah diperuntukkan kepada kakitangan Universiti khususnya kakitangan akademik yang terdiri daripada tutor/pensyarah dan mulai tahun 2007 skim ini dibuka kepada kakitangan pentadbiran. Proses permohonan dan kelulusan Cuti Belajar Universiti adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Universiti (JKCB). Walau bagaimanapun, Dekan/Ketua Jabatan calon adalah rujukan utama yang bertindak sebagai penasihat sebelum permohonan dibawa ke mesyuarat tersebut. Dengan kata lain, Dekan/Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa calon-calon yang memohon adalah telah memenuhi syarat-syarat Cuti Belajar Universiti.

Terdapat dua skim cuti belajar yang diberikan kepada kakitangan Universiti iaitu:

- i) Skim Cuti Belajar Kakitangan Akademik
- ii) Skim Cuti Belajar Kakitangan Pentadbiran

4.0 SKIM CUTI BELAJAR KAKITANGAN AKADEMIK

i) **Hadiah Biasiswa Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)**

Hadiah ini diberikan kepada tutor/pensyarah bumiputera untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana & PhD di dalam atau luar negara.

ii) **Hadiah Biasiswa Skim Latihan Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan SPLIT**

Hadiah ini diberikan kepada tutor/pensyarah bumiputera dan bukan bumiputera untuk melanjutkan pengajian pada peringkat PhD di dalam atau luar negara.

iii) Hadiah Biasiswa Universiti

Hadiah ini diberikan kepada tutor/pensyarah bumiputera dan bukan bumiputera untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana atau PhD di dalam atau luar negara sekiranya tidak mendapat bantuan biasiswa daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) atau boleh juga dipertimbangkan bagi tutor yang sedang dalam pengajian pada peringkat Sarjana atau PhD.

iv) Fellowship Universiti

Hadiah ini diberikan kepada kakitangan bertaraf felo dan ia berbeza dengan skim tutor sama ada bumiputera dan bukan bumiputera untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana atau PhD di dalam atau luar negara. Felo ini akan diberikan status jawatan sementara dan elaun akan dibayar mengikut kelayakan. Bagi calon yang kembali dengan keputusan Ijazah Sarjana/Kedoktoran akan diletakkan sebagai Pensyarah sementara. Felo boleh memohon untuk disandarkan di Fakulti di mana Felo akan mengajar supaya mereka dapat mengenalpasti keperluan Fakulti dari segi bidang-bidang pengajian yang diperlukan.

5.0 SKIM CUTI BELAJAR KAKITANGAN PENTADBIRAN

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam strategi dan perancangan sumber manusianya berhasrat memberikan peluang kepada kakitangan pentadbiran untuk melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sijil, Diploma/ Diploma Siswazah/Sarjana mahu pun PhD. Ini kerana USIM menyedari bahawa perancangan Pembangunan sumber manusia akan mengambil masa yang berterusan bagi memastikan objektif Universiti dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Sehubungan itu, usaha untuk menambahkan bilangan kakitangan akademik perlu diperluaskan lagi melalui langkah mengadakan Skim Cuti Belajar Kakitangan Pentadbiran.

SKIM CUTI BELAJAR YANG DITAWARKAN

- i) Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa
- ii) Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan pembiayaan sendiri atau daripada Badan-badan Luar
- iii) Cuti Belajar Separuh Gaji
- iv) Cuti Belajar Tanpa Gaji

SKIM CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA

A) Syarat-syarat

- i) Kakitangan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.
- ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga tahun.
- iii) Telah mendapat tempat pengajian/latihan dari Universiti/Organisasi yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan.
- iv) Kelulusan Bahasa Inggeris yang baik bagi permohonan di luar negara (IELTS/TOEFL)
- v) Umur tidak melebihi 40 tahun untuk PhD dan 35 tahun untuk peringkat Sarjana.
- vi) Mengikuti kursus yang diwajibkan dan memenuhi semua syarat kemasukan yang ditetapkan oleh institusi tempat pengajian berkenaan.
- vii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan

B) Faedah yang layak diterima

- i) Bergaji penuh mengikut tangga gaji semasa melanjutkan pengajian.
- ii) Yuran pengajian
- iii) Bayaran Elaun

a) Luar Negara

- Perlindungan Insuran
- Tambang kapal terbang pergi dan balik
- Elaun Sara Hidup
- Elaun Penempatan
- Elaun Bantuan Sewa Rumah
- Elaun Bantuan Keluarga
- Elaun Akhir Pengajian
- Elaun Buku & Alat Perkakas
- Elaun Tesis
- Elaun Latihan Amali
- Elaun Pakaian Panas

b) Dalam Negara

- Elaun Sara Hidup
- Elaun Buku
- Elaun Alat Perkakas
- Elaun Tesis
- Elaun Perjalanan

**Elaun untuk kakitangan berkeluarga adalah mengikut bilangan anak dan kadar negara berkenaan.*

C) Ikatan perjanjian

Tertakluk kepada ikatan perjanjian dengan pihak Kerajaan/Universiti seperti dalam lampiran.

SKIM CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA

A) Syarat-syarat

- i) Kakitangan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmtan.
- ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga tahun.
- iii) Telah mendapat tempat pengajian/latihan dari Universiti/Organisasi yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan.
- iv) Umur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh permohonan

v) Mengikuti kursus yang diwajibkan dan memenuhi semua syarat kemasukan yang ditetapkan oleh institusi tempat pengajian berkenaan.

vi) Diperakukan oleh Ketua Jabatan

B) Faedah yang layak diterima

Bergaji penuh mengikut tangga gaji semasa melanjutkan pengajian.

C) Ikatan perjanjian

Tertakluk kepada ikatan perjanjian dengan pihak Kerajaan/Universiti seperti dalam lampiran.

SKIM CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI

A) Syarat-syarat

- i) Kakitangan Sokongan (Gred 1-40) yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.
- ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga tahun.
- iii) Telah mendapat tempat pengajian/latihan dari Universiti/Organisasi yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan.
- iv) Umur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh permohonan
- v) Kursus-kursus yang diikuti hendaklah pada peringkat Diploma atau Ijazah Pertama yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam bidang yang diperlukan oleh Universiti atau perkhidmatan pegawai secara amnya dan bersesuaian dengan kelayakan asas yang dimiliki.

- vi) Jenis kursus yang sesuai bagi maksud ini, bilangan pegawai yang boleh diluluskan cuti belajar separuh gaji pada satu-satu tahun dan tempoh cuti belajar yang diluluskan bagi seseorang pegawai adalah atas budibicara Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB) yang akan mengambilkira perakuan Ketua Jabatan.
- vii) Pegawai hendaklah mempunyai Laporan Presatsi Tahunan yang baik.
- viii) Pegawai hendaklah mempunyai keupayaan untuk membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang hendak diikuti.
- ix) Diperakukan oleh Ketua Jabatan
- x) Tempoh cuti belajar separuh gaji yang boleh diluluskan bagi pegawai Gred 1-40 ialah bagi jangka waktu seperti berikut;
 - a) Bagi tempoh kursus yang diikuti termasuk cuti akademik dan rehat yang jatuh dalam masa kursus itu.
 - b) Bagi tempoh perjalanan ke tempat belajar dan perjalanan balik selepas kursus mengikuti jalan paling dekat.
- xi) Pegawai Gred 1-40 yang diluluskan bercuti belajar separuh gaji untuk mengikuti kursus pada peringkat Diploma atau Ijazah Pertama adalah dikehendaki menandatangani suatu perjanjian yang mengikatnya supaya berkhidmat dengan Universiti bagi tempoh yang diambil untuk mengikuti kursus berkuatkuasa selepas tamat pengajiannya.
- xii) Tempoh perjanjian yang perlu dipenuhi itu tidak termasuk apa juga tempoh perkhidmatan yang masih lagi menjadi tanggungan pegawai dalam apa jua perjanjian dengan Universiti terdahulu daripada ini.
- xiii) Universiti juga tidak memberi jaminan untuk menempatkan pegawai ke tangga gaji atau ke jawatan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan Universiti selepas pegawai berjaya dalam pengajiannya.

- xv) Urusan mendapatkan bantuan kewangan atau biasiswa untuk tujuan mengikuti kursus yang diluluskan perlu diuruskan sendiri oleh pegawai dengan cara memohon bantuan kewangan atau biasiswa daripada agensi yang menawarkan kemudahan.

B) Faedah yang layak diterima

Pegawai dalam Kumpulan Gred 1-40 yang diluluskan cuti belajar separuh gaji akan dibayar separuh gaji mengikut gaji terakhir semasa mengikuti kursus. Gaji terakhir yang dibayar tidak termasuk elaun-elaun memangku/tangungan kerja.

C) Ikatan perjanjian

Tertakluk kepada ikatan perjanjian dengan pihak Kerajaan/Universiti seperti dalam lampiran.

SKIM CUTI BELAJAR TANPA GAJI

A) Syarat-syarat

- i) Diperuntukkan untuk kakitangan bagi mengikuti Kursus Lulusan Ijazah, Ijazah Asas atau Diploma di Universiti-universiti tempatan atau luar negara.
- ii) Kakitangan yang berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan.
- iii) Telah mendapat tempat pengajian/latihan dari Universiti/Organisasi yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan.
- iv) Kakitangan yang mengikuti pengajian pada peringkat Diploma, Ijazah atau Lulusan Ijazah di Universiti Tempatan/Luar Negara atas perbelanjaan sendiri atau lain-lain bantuan.

- v) Diperakukan oleh Ketua Jabatan
- vi) Pengajian yang diikuti memberi manfaat kepada Universiti

B) Ikatan perjanjian

Tiada ikatan perkhidmatan dan jumlah ganti rugi.

PROSES PERMOHONAN CUTI BELAJAR PERINGKAT UNIVERSITI

- i. Calon yang telah memenuhi syarat-syarat Cuti Belajar Universiti hendaklah dan mendapat perakuan Dekan/Ketua Jabatan masing-masing. Perakuan tersebut boleh dibuat melalui Borang Permohonan Cuti Belajar yang boleh didapati di setiap Fakulti atau Bahagian Sumber Manusia (Pembangunan Dan Latihan). *(Senarai borang Permohonan Cuti Belajar adalah seperti di lampiran A)*
- ii. Setiap permohonan mestilah dilampirkan bersama-sama salinan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan:-
 - i) Kad Pengenalan
 - ii) Sijil Kelahiran
 - iii) Kad Pengenalan Ibu dan Bapa calon
 - iv) Sijil kelahiran Ibu dan Bapa calon (sekiranya tiada, calon boleh menyertakan sesalinan surat akuan sumpah atau seumpamanya yang boleh mengesahkan maklumat yang dikehendaki
 - v) Sijil akademik calon yang tertinggi dan transkrip peperiksaan
 - vi) Keputusan peperiksaan Bahasa Inggeris TOEFL / IELTS
 - vii) Sijil Kursus Kaedah Penyelidikan
 - viii) Surat tawaran tempat pengajian yang dipohon
 - ix) Proposal / cadangan penyelidikan.

- iii. Bagi pengajian di peringkat Ph.D, lampiran tambahan bersama borang permohonan adalah seperti berikut :
 - i) Sesalinan artikel / buku yang telah diterbitkan di dalam mana-mana "jurnal" yang terkenal
 - ii) Cadangan penyelidikan / proposal yang telah diluluskan oleh penyelia
 - iii) Surat Akuan Penyelia yang menyatakan kesediaan atau penerimaan untuk menyelia pegawai atas tajuk penyelidikan yang dicadangkan.

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA CUTI BELAJAR UNIVERSITI (JKCB)

Bagi membantu pengurusan Cuti Belajar ini, maka sebuah Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB) yang dipengerusikan oleh Rektor dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pendaftar, Bendahari dan Dekan-dekan Fakulti. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mempertimbangkan permohonan calon, perlanjutan tempoh pengajian, meluluskan sesuatu perkara/permohonan berkaitan cuti belajar di samping membuat keputusan yang melibatkan polisi-polisi Universiti.

Calon-calon yang telah diluluskan Bercuti Belajar juga haruslah mematuhi keseluruhan arahan mesyuarat yang diputuskan oleh JKCB bagi membolehkan urusan Cuti Belajar terlaksana dan sejajar dengan matlamat Universiti khususnya yang melibatkan pencapaian bidang akademik Universiti ini.

- i. Pemohon yang telah memenuhi syarat-syarat Cuti Belajar Universiti, akan dibawa ke dalam Mesyuarat JKCB untuk dipertimbang dan diluluskan
- ii. Disamping memberi kelulusan Cuti Belajar, Jawatankuasa ini juga bertindak memantau keseluruhan perkembangan calon-calon Cuti Belajar yang sedang melanjutkan pengajian
- iii. Setelah calon diluluskan untuk Bercuti Belajar, sesalinan Perjanjian Cuti Belajar akan diberi kepada calon yang mana perjanjian ini adalah mengikat calon dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti sepanjang tempoh pengajian

PROSES PERMOHONAN BIASISWA TAJAAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (KPTM) BAGI KAKITANGAN AKADEMIK

- i. Calon-calun Cuti Belajar yang telah mendapat kelulusan JKCB, akan dipanjangkan permohonannya ke Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
- ii. Sehubungan dengan itu, calon-calun adalah dikehendaki mengisi maklumat diri di dalam borang-borang yang telah disediakan oleh pihak KPTM seperti berikut:
 - a. Borang *Curriculum Vitae*;
 - b. Borang JPA (L) LDP 1B / 96;
 - c. 2 Salinan Borang Soalan Keselamatan Am (480 Pind. 2/88);
 - d. Mengemukakan salinan surat pelepasan / pemindahan kontrak dengan penaja / institusi dahulu (jika berkaitan)
- iii. Calon-calun Cuti Belajar Universiti yang diluluskan dengan Biasiswa KPTM akan diberi sesalinan perjanjian Biasiswa dan beberapa dokumen lain untuk dilengkapi oleh calon berkenaan;
- iv. Sehubungan itu juga, Perjanjian Cuti Belajar Universiti dan beberapa dokumen lain akan diserahkan kepada calon untuk diisi dan dikembalikan semula kepada urusetia JKCB sebelum calon memulakan pengajian.
- v. Calon-calun yang tidak diluluskan permohonannya, adalah layak dipertimbangkan untuk memohon Biasiswa Universiti. Walau bagaimanapun ianya adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat JKCB Universiti.

KELAYAKAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. **Had Umur**
 - a. Peringkat Sarjana - Tidak melebihi had umur 35 tahun dari tarikh permohonan
 - b. Peringkat Ph.D - Tidak melebihi had umur 40 tahun pada tarikh permohonan

- ii. Syarat Lulus Bahasa Inggeris TOEFL / IELTS dan peperiksaan lain yang berkaitan dengan permohonan untuk mendapatkan tempat pengajian (GRE/GMAC dan sebagainya)
- a. Calon yang memohon Cuti Belajar hendaklah lulus peperiksaan Bahasa Inggeris dengan mencapai skor yang ditetapkan iaitu TOEFL - 600 (*paper-based*) atau 240 (*computer-based*).
 - b. Manakala, IELTS - 6.5 ke atas bagi pengajian ke luar negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, **atau** Lulus IELTS - 5.0 ke atas bagi pengajian dalam negara dan luar negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
 - c. Tuntutan bagi bayaran menduduki peperiksaan hanya sekali sahaja boleh dibuat oleh calon-calon dan tidak termasuk bahan-bahan rujukan.
 - d. Bagi calon-calon yang mempunyai latar belakang pengajian/pengalaman di luar negara ia boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan pengecualian syarat bahasa Inggeris.

(Diluluskan dalam Mesyuarat JKCB Bil 4/2006)

iii. **Mengikuti Kursus Kaedah Penyelidikan dengan Jayanya**

iv. **Bidang Pengajian**

- a. Bidang Pengajian yang dipilih hendaklah bidang yang diiktiraf oleh Universiti dan Kerajaan;
- b. Bidang pengajian yang dipohon mestilah relevan dengan keperluan Fakulti dan Universiti.

v. **Bagi pengajian di peringkat Ph.D, lampiran tambahan bersama borang permohonan adalah seperti berikut :**

- a. Sesalinan artikel / buku yang telah diterbitkan di dalam mana-mana "jurnal" yang terkenal;
- b. Cadangan penyelidikan / proposal yang telah diluluskan oleh penyelia;
- c. Surat Akuan Penyelia yang menyatakan kesediaan atau penerimaan untuk menyelia pegawai atas tajuk penyelidikan yang dicadangkan.

vi. **Tempat Pengajian**

- a. Calon hendaklah memohon sekurang-kurangnya tiga tempat pengajian
- b. Tempat pengajian yang dipohon mestilah diiktiraf oleh JPA
- c. Bagi tempat pengajian di luar negara, calon hendaklah mengenal pasti bahawa Universiti yang dipohon adalah mempunyai *rating* tertinggi di dalam bidang pengajian yang dipilih atau bidang tersebut adalah sukar didapati di mana-mana tempat pengajian di dalam negara.
- d. Memperolehi surat tawaran tempat pengajian yang sah.

vii. **Penerbitan**

- a. Bagi calon Ph.D, syarat tambahan iaitu semasa calon memohon melanjutkan pengajian, calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 2 artikel atau buku yang diterbitkan dalam mana-mana jurnal yang terkenal.

TARIKH MULA CUTI BELAJAR

Tarikh mula cuti belajar bermula dari tarikh calon-calon bertolak ke luar negara.

(Diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil 91/02)

ELAUN-ELAUN DAN LAIN-LAIN BANTUAN

- i. Calon-calun yang telah diluluskan Cuti Belajar sama ada melalui Biasiswa SLAB atau Biasiswa Universiti adalah layak mendapat elaun-elaun tertentu sepanjang tempoh pengajian.
- ii. Bagi calon-calun yang membawa keluarga (isteri / suami dan anak), adalah layak untuk dipertimbangkan mendapat Elaun Bantuan Keluarga, Elaun Bantuan Sewa Rumah dan Elaun Pakaian Panas atas kadar-kadar tertentu mengikut negara. Walau bagaimanapun pemberian elaun tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Universiti sebagaimana berikut :
 - iii. Bagi calon-calun yang berhasrat membawa pasangan (isteri atau suami):
 - Calon hendaklah membuat permohonan secara bertulis/mengisi borang yang disediakan kepada pihak Universiti, berkenaan permohonan membawa pasangan
 - Pasangan yang dibawa mestilah tinggal bersama calon selama tidak kurang dari 6 bulan
 - Mengemukakan sesalinan Sijil Perkahwinan yang sah
 - Surat Akuan Majikan, bagi pasangan yang bekerja.
 - iv. Bagi calon yang membawa anak, adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - Anak yang ingin di bawa mestilah berumur di bawah 13 tahun semasa bertolak;
 - Anak tersebut perlu tinggal bersama calon secara terus-menerus selama tidak kurang dari 6 bulan.
 - v. Kakitangan bercuti belajar yang telah sampai di tempat pengajian perlu menghantar maklumat terkini alamat tempat tinggal dan nombor akaun bank bagi tujuan pembayaran elaun-elaun.
 - vi. Elaun kakitangan bercuti belajar di luar negara akan dibayar dalam bentuk 'Bank Draf' dan sekiranya ada permohonan boleh dibayar dalam bentuk 'Telegraphic Transfer (TT)'

- vii) Pensyarah Pelatih Perubatan layak menerima Elaun Insentif Perkhidmatan Kritikal Semasa Cuti Belajar (Diluluskan oleh Mesyuarat LPU Universiti Bil 52/06 dan dimaklumkan dalam Mesyuarat JKCB Bil1/2007)

URUSAN PERJALANAN CALON (LUAR NEGARA)

i. Penempahan Tiket Kapal Terbang

- a. Bagi calon-calon yang melanjutkan pengajian ke luar negara, urusan penempahan tiket kapal terbang adalah melalui Unit Cuti Belajar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dengan mengisi borang penempahan yang telah disediakan oleh Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Pendaftar.
- b. Urusan penempahan hendaklah dibuat **2 bulan** awal dari tarikh calon bercadang bertolak ke tempat pengajian.
- c. Calon tidak dibenarkan membuat pembatalan urusan penempahan tiket tanpa merujuk atau memaklumkan ke Unit Cuti Belajar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Sehubungan dengan itu, pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab sekiranya calon terpaksa menanggung sebarang kerugian ekoran dari pembatalan tarikh penerbangan.
- d. Walau bagaimanapun, calon dinasihatkan memaklumkan kepada urusetia JKCB sekiranya timbul masalah luar jangkaan yang menyebabkan tarikh penerbangan terpaksa ditangguhkan.
- e. Pembatalan tarikh penerbangan boleh dibuat **3 minggu** sebelum tarikh cadangan asal untuk bertolak.

ii. Cuti

a) Cuti sebelum memulakan pengajian

Calon hanya dibenarkan bercuti seminggu awal sebelum bertolak ke tempat pengajian. Sekiranya calon mempunyai baki cuti rehat, cuti seminggu yang dimaksudkan di atas akan ditolak dari cuti rehat calon. Namun sekiranya cuti rehat calon tiada, maka calon layak diberi cuti selama seminggu lebih awal dari tarikh memulakan pengajian.

(Diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil 91/02)

b) Cuti bersalin semasa bercuti belajar

Dasar Universiti bagi kakitangan bercuti belajar yang bersalin adalah sama dengan dasar JPA iaitu mereka tidak boleh mendapatkan dua cuti pada masa yang sama.

(Diluluskan dalam Mesyuarat JKCB, Bil1/2007)

iii. Tambang Kapal Terbang

- a. Merujuk kepada surat arahan yang dikeluarkan oleh pihak JPA, tambang kapal terbang bagi calon akan dibiayai oleh JPA. Walau bagaimanapun, Universiti diminta menguruskan urusan penempahan tiket dan membuat pembayaran pendahuluan yang kemudiannya boleh dituntut di JPA.
- b. Tambang kapal terbang yang dibenarkan adalah mengikut kelayakan calon dengan mengambil kira tambang yang terendah dan jarak terdekat.
- c. Bagi calon-calon yang mendapat kelulusan Universiti untuk membawa pasangan, tambang kapal terbang bagi pasangan akan dibiayai oleh Universiti. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada kelulusan Universiti dan syarat-syarat membawa pasangan.

TANGGUNGJAWAB CALON SEMASA BERECUTI BELAJAR

i. Bayaran yuran pengajian

- a. Kakitangan bercuti belajar diminta memaklumkan kepada pihak Universiti tempat pengajian mereka berkaitan dengan pembayaran yuran pengajian pada setiap semester oleh pihak penaja sama ada pihak Universiti atau Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) bagi mengelakkan berlakunya masalah yuran pengajian yang lambat/tidak dibayar oleh penaja.

ii. Laporan Kemajuan Pengajian dan Keputusan Peperiksaan

- a. Calon diminta mengisi borang "Laporan Pengajian Calon Cuti Belajar" dan yang akan diedarkan pada bulan Jun dan Disember setiap tahun (6 bulan sekali).
- b. Namun begitu, memandangkan jadual pengajian setiap calon adalah berbeza maka, mereka boleh menghantar laporan pengajian mengikut jadual pengajian masing-masing dan ia bermula dari tarikh calon melapor diri di tempat pengajian
- b. Sekiranya calon telah memulakan disertasi atau penulisan tesis, calon mestilah memaklumkan dengan seberapa segera kepada Universiti, bertujuan memudahkan pihak urusetia mengedarkan Borang Laporan Kemajuan Disertasi kepada Penyelia calon pada setiap 6 bulan sekali.
- c. Bagi yang mengikuti pengajian dalam bentuk kerja kursus, maka mereka perlu melampirkan salinan keputusan peperiksaan pada setiap semester yang berkaitan.

iii. Kertas Kerja / Tesis / Disertasi

- a. Jika calon dikehendaki oleh institusi tempat pengajiannya mengemukakan satu kertas kerja, bagi yang berupa satu disertasi, tesis atau satu kertas projek berkaitan dengan pengajiannya, calon hendaklah mengemukakan dan menyerahkan satu salinan kertas kerja/tesis/disertasi tersebut kepada Universiti ini sebaik sahaja ianya disempurnakan atau selepas tamat pengajian.
- b. Kertas kerja/tesis/disertasi yang telah dikemukakan dan diserahkan itu akan menjadi hak Universiti dan hanya atas kebenaran Universiti, ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan atau rujukan pegawai-pegawai kerajaan, penuntut atau orang perseorangan.

iv Kelakuan

- a. Semasa mengikuti kursus, calon dikehendaki berkelakuan sebagai seorang penuntut yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan-arahan / peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti ini dan Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa.
- b. Sekiranya calon didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa salahlaku yang boleh mencemarkan nama baik Universiti, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan Cuti Belajar akan ditamatkan. Calon juga dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam perjanjian;
- c. Dalam tempoh kursus, calon tidak dibenarkan membuat perjalanan ke lain-lain negara tanpa kelulusan Universiti. Sekiranya calon dilaporkan melakukan perjalanan sedemikian tanpa kelulusan Universiti, maka tindakan tatatertib akan diambil dan kelulusan Cuti Belajar boleh ditamatkan.

v. Kegiatan Politik

- a. Calon adalah tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Kerajaan atau Universiti tidak selaras dengan kepentingan calon atau kepentingan Universiti atau negara, sebagaimana yang disyaratkan di dalam perjanjian Perjanjian Cuti Belajar USIM atau Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
- b. Sekiranya Universiti mendapati calon terlibat dengan kegiatan politik yang tidak selaras dengan dasar kerajaan, maka Universiti berhak memanggil calon balik dan meminta calon membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian.

vi. Lanjut Tempoh Pengajian

- a. Sekiranya calon gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, calon hendaklah membuat permohonan penambahan masa kepada Universiti 6 bulan sebelum tamat tempoh pengajian.
- b. Permohonan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :
 - i) Memberi butir-butir tentang lanjutan tempoh diperlukan serta sebab-sebabnya.
 - ii) Menyertakan perakuan penyelia secara bertulis oleh Institusi tempat calon berkursus;
 - iii) Menyertakan senarai mata pelajaran yang diambil dan keputusan peperiksaan atau laporan kemajuan yang diperolehi dari tarikh calon memulakan kursus sehingga ke tarikh permohonan itu dibuat (bagi kursus secara kerja kursus/syarahannya);
 - iv) Calon yang mengikuti kursus secara penyelidikan dikehendaki juga mengemukakan jadual perancangan kerja (*plan of study*) bagi tempoh yang dipohon.

- v) Kegagalan mengemukakan permohonan dalam masa yang ditetapkan atau mengemukakan permohonan yang kurang lengkap boleh menyebabkan permohonannya ditolak / lewat diproses.
- vi) Apa-apa tambahan masa atau lanjutan tempoh tidak semestinya disertai dengan pemberian segala kemudahan atau faedah sepenuhnya yang boleh diberi di bawah syarat-syarat Cuti Belajar/melanjutkan pelajaran ini.
- vii) Jadual kelayakan bayaran elaun-elaun bagi lanjutan tempoh pengajian adalah seperti dalam lampiran C (Diluluskan dalam Mesyuarat JKCB Bil 3/2006)

vi. Gagal Pengajian

- a. Sekiranya Universiti mendapati bahawa calon telah mengabaikan tanggungjawab yang mengakibatkan calon gagal dalam mana-mana peperiksaan, atau laporan mengenai kemajuan kursus calon adalah tidak memuaskan, kelulusan Cuti Belajar ini akan ditarik balik dan calon akan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian Cuti Belajar. (Jumlah bayaran ganti rugi adalah seperti dalam LAMPIRAN B.

PROSEDUR MENJALANKAN KAJIAN LAPANGAN

Syarat-syarat penajaan bagi menjalankan kajian lapangan

- i) Diberikan kepada kakitangan akademik yang benar-benar memerlukan dan telah diluluskan bercuti belajar sama ada dengan Biasiswa SLAB KPT/Biasiswa USIM.
- ii) Telah menyediakan kertas cadangan/proposal mengenai kajian lapangan dalam permohonan bercuti belajar
- iii) Telah mendapat pengesahan Ketua Jabatan semasa membuat permohonan menjalankan kajian lapangan ini.
- iv) Telah mendapat sokongan daripada penyelia pengajian tentang keperluan menjalankan kajian lapangan tersebut.

- v) Kajian lapangan yang dibuat berkaitan dengan bidang pengajian
- vi) Jadual perancangan menjalankan kajian tersebut.

Kemudahan yang diberikan bagi menjalankan penyelidikan/mencari bahan

Mengikut kelayakan dalam syarat-syarat bercuti belajar Biasiswa KPTM/Biasiswa USIM seperti:

- i) Tiket pergi dan balik ke tempat kajian lapangan dibuat
- ii) Elaun Sara Hidup (Kadar di negara tempat kajian dijalankan akan digunakan sekiranya tempoh melebihi 3 bulan)
- iii) Elaun Bantuan Sewa Rumah (Kadar di negara tempat kajian dijalankan akan digunakan sekiranya tempoh melebihi 3 bulan)
- iv) Bagi kakitangan akademik yang menerima Biasiswa SLAB KPT, pihak Universiti hanya menampung bagi baki elaun yang tidak dibayar oleh pihak KPT atau yang berkaitan sahaja.

(Diluluskan dalam Mesyuarat JKCB Bil 2/05)

TANGGUNGJAWAB CALON SELEPAS TAMAT PENGAJIAN

- i. Selepas tamat pengajian, calon perlulah membuat permohonan Cuti Khas kepada Universiti. Walau bagaimanapun cuti tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan untuk meluluskannya;
(Diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil 91/02)
- ii. Calon juga dikehendaki melapor diri ke Unit Cuti Belajar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar selepas tiga hari bercuti seperti yang diluluskan oleh Ketua Jabatan dengan mengemukakan beberapa dokumen-dokumen berikut:

- a. Sesalinan Tesis untuk tindakan selanjutnya
 - b. Laporan mengenai status pengajian calon/Salinan Ijazah
 - c. Salinan pasport calon dan ahli keluarga yang tinggal bersama sepanjang tempoh pengajian (bagi calon yang melanjutkan pengajian di luar negara)
- iii. Setelah menerima kesemua dokumen-dokumen berikut, urusetia akan memanjangkan beberapa perkara ke Jabatan atau Bahagian-Bahagian yang berkaitan sebagaimana berikut.
- a. **Ketua Jabatan** calon, untuk mendapat pengesahan tarikh sebenar calon melapor diri untuk bertugas.
 - b. **Jabatan Bendahari**, di mana urusetia akan memaklumkan supaya sebarang elaun yang diterima oleh calon dari Universiti perlu dihentikan;
 - c. **Bahagian Sumber Manusia (Perkhidmatan)** memaklum dan merekod urusan cuti calon sama ada yang telah diambil atau belum diambil.

HAK UNIVERSITI

- i. Sekiranya Universiti mendapati bahawa calon telah mengabaikan tanggungjawab yang mengakibatkan calon gagal dalam mana-mana peperiksaan, atau laporan mengenai kemajuan kursus calon adalah tidak memuaskan, kelulusan Cuti Belajar ini akan ditarik balik dan calon akan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian Cuti Belajar;
- ii. Universiti juga berhak menarik balik kelulusan Cuti Belajar pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan gantirugi berkenaan atau akibat daripada perkara ini.

Lampiran A

Senarai borang Permohonan Cuti Belajar

Bil	Perkara	Status (Tandakan (/))
1	Borang Permohonan Cuti Belajar KUIM	
2	Curriculum Vitae (2)	
3	Borang JPA (L) LDP 1B/96 (2)	
4	Surat tawaran Universiti yang dimohon	
5	Kertas cadangan penyelidikan (2)	
6	Salinan kad pengenalan calon (2)	
7	Salinan surat beranak calon (2)	
8	Salinan kad pengenalan ibubapa (2)	
9	Salinan surat beranak ibubapa (2)	
10	Salinan sijil akademik (SRP/SPM/STPM/MATRIKULASI/DIPLOMA/IJAZAH /SARJANA)	
11	Salinan keputusan IELTS/TOEFL	
12	Salinan sijil Kursus Kaedah Penyelidikan	
13	Borang Soalan Keselamatan utk Calon Luar Negara (Suami & isteri) - Jika perlu- beserta Gambar	
14	Sijil nikah (jika sudah berkahwin)	
15	Surat Tamat Perkhidmatan bg Suami/ Isteri (Utk Luar Negara)	
16	Salinan Kad Pengenalan isteri / Suami/ Salinan Sijil Kelahiran Anak	

**JUMLAH TUNTUTAN GANTIRUGI BIASISWA / HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN
(Berkuatkuasa mulai 2 Julai 2003)**

PEGAWAI	TEMPOH IKATAN		JUMLAH GANTIRUGI (RINGGIT MALAYSIA)	
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional*	Dalam Negeri (IPTA)	Luar Negeri Dan IPTS
A. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa				
a) Sijil/Diploma Lulusan Ijazah/Ijazah Lanjutan	2	3	RM 40,000	Kos Sebenar ***
i) Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun **	4	5	RM 100,000	Kos Sebenar
ii) Tempoh pengajian lebih 1 tahun Hingga 2 tahun	5	6	RM 120,000	Kos Sebenar
iii) Tempoh pengajian lebih 2 tahun Hingga 3 tahun	6	7	RM 160,000	Kos Sebenar
iv) Tempoh pengajian lebih 3 tahun				Kos Sebenar
B. Cuti Belajar Lain-lain Kategori ***				
a) Diploma/Ijazah Pertama				
i) Tempoh pengajian 4 tahun atau kurang	4	6	RM 110,000	Kos Sebenar
ii) Tempoh pengajian lebih dari 4 tahun	5	7	RM 130,000	Kos Sebenar
b) Sijil/Diploma Lulusan Ijazah/Ijazah Lanjutan				
i) Tempoh pengajian lebih 3 bulan Hingga 1 tahun **	1	2	RM 25,000	Kos Sebenar
ii) Tempoh pengajian lebih 1 tahun Hingga 2 tahun	2	3	RM 50,000	Kos Sebenar
iii) Tempoh pengajian lebih 2 tahun Hingga 3 tahun	3	4	RM 60,000	Kos Sebenar
iv) Tempoh pengajian lebih 3 tahun	4	5	RM 80,000	Kos Sebenar

* Kursus Profesional/Kritikal meliputi kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakaunan (UK dan Australia) dan Undang-Undang seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

** Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatan perjanjian dan gantirugi.

*** Meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG), CBSG Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) dengan Biasiswa dan CBTG Tanpa Biasiswa.

**** Kos sebenar merangkumi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan termasuk segala jenis yuran, elaun dan perbelanjaan tiket kapal terbang (sekiranya ada).

Maklumat lanjut:

En Mohd Asri Bin Hj Husain
Penolong Pendaftar Kanan
Unit Cuti Belajar
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
Tel: 06-7988150/0123396301
Faks: 06-7988050
Email: asri@admin.kuim.edu.my

Puan Marsita Bt Mohd Noor
Penolong Pegawai
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
Tel: 06-7988152
Faks: 06-7988050

Puan Zunita Bt Abd Hamid
Pembantu Tadbir
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
Tel: 06-7988152
Faks: 06-7988050

Puan Siti Nurbaya Bt Ismail
Penolong Bendahari Kanan
Jabatan Bendahari KUIM
Tel:06-7988213

Puan Norzilah Bt Zikri
Pembantu Akauntan
Jabatan Bendahari KUIM
Tel:06-7988216

En Zainal Bin Abidin Setiausaha

Unit Biasiswa
Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Tingkat 4, Blok 1, Persint 2,
Menara PJH,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 Putrajaya

Tel: 03- 88844607 - (En Hussin)
03-88844647 - (Cik Ayu)
03-88844636 - (Pn Juwita)

Fax: 03-88844701
03-88844665

En Mohd Rozlan Bin Mohd Razali
Penolong Pengarah
Biro Tatanegara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1, Blok B3,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

SP & G Insurance Brokers Sdn Bhd
8th Floor, Menara SPK,
22, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-27318800 ext: 882
Faks: 03-21422621
Email: idah@spgib.com.my
www.spgib.com.my

Pengurus
Malaysian-American Commission on Education Exchange (MACEE)
11th Floor, Menara Kemayan,
160 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-21668878 (ext 24)
Faks: 03-21661878

Puan Wan Badariah Wan Ismail
Malaysian British Educational Cooperation Services (MABECS) Sdn Bhd
2nd Floor, 9, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-79567655/439
Faks: 03-79550876

Mrs Cynthia Celistene
Senior Manager
IDP Education Australia Limited
6th Floor, West Block
Wisma Selangor Dredging
142-C Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
TEL: 03-21623755
FAX: 03-21622078

Selset New Zealand Centre Sdn Bhd
(formerly known as Selset Enterprise Sdn Bhd)
7, Jalan SS15/7, 47500 Subang Jaya

Selangor, Malaysia
Tel: +60.3.56310322
Fax: +60.3.56310522

Canadian Education Centre
Suite 18.03, 18 th,
Wisma MCA,
163, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-21622901
www.studycanada.ca/malaysia

SP & G Insurance Brokers Sdn Bhd
8th Floor, Menara SPK,
22, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-27318800 ext: 882
Faks: 03-21422621
Email: idah@spgib.com.my
www.spgib.com.my

Rating Universiti

<http://www.rae.ac.uk/pamembers/>.

<http://www.barronseduc.com>

